

MT Umno disyor adakan sidang khusus jika...

PULAU PINANG, Isnin — Majlis Kerja Tertinggi Umno hendaklah memanggil satu perhimpunan agung khas seberapa segera sekiranya penyelesaian mengenai pindaan perlembagaan negara tidak dapat dicapai.

Ini adalah salah satu keputusan mesyuarat perwakilan khas Umno Bahagian Sungai Petani semalam yang terkandung dalam satu memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini malam tadi.

Ketua bahagian, Haji Shuaib Lazim menjelaskan mesyuarat itu juga mengambil keputusan mengecam golongan-golongan dan parti-parti politik yang cuba memeralatkan isu-isu mengenai pindaan itu.

"Perbuatan demikian boleh menggugat kestabilan sosial, politik dan ekonomi negara," kata Haji Shuaib.

Seramai 274 wakil dari lebih 10,000 orang ahli Umno bahagian menghadiri mesyuarat dua jam itu.

Menurut Haji Shuaib, semua usul dari mesyuarat itu telah diserahkan kepada Perdana Menteri yang kebetulan berada di sini untuk merasmikan persidangan serantau Persekutuan Pertubuhan Pengurusan Asia dan Institut Pengurusan Malaysia.

Semua ahli jawatankuasa bahagian dan ahli jawatankuasa Pemuda Umnonya menghadiri upacara penyerahan memorandum itu.

Pertikai

Haji Shuaib berkata Perdana Menteri menerima memorandum itu tanpa memberi apa-apa penjelasan.

"Beliau hanya mengucapkan terima kasih kepada bahagian ini yang telah mengadakan mesyuarat khas itu."

Haji Shuaib menjelaskan mesyuarat itu perlu diadakan bagi menerangkan kepada semua ahli mengenai pindaan perlembagaan dan kesan surat terbuka Datuk Senu Abdul Rahman kepada Perdana Menteri.

Lain-lain keputusan mesyuarat yang terkandung dalam memorandum itu ialah menyokong dan berdiri teguh:

- Terhadap tindakan-tindakan politik Perdana Menteri merangkap Presiden Umno yang akan memperkukuh perpaduan dan kuasa politik Melayu.
- Keputusan mesyuarat ketiga penggal pertama Parlimen keenam yang telah meminda bahagian-bahagian tertentu dalam perlembagaan Malaysia.

Menurut Haji Shuaib keputusan ini adalah keputusan rakyat yang telah memberi mandat kepada wakil-wakil mereka, yang dipilih melalui proses demokrasi.

"Dalam sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan, keputusan rakyat adalah suara pemutus dan tiada siapa yang boleh mempertikaikannya dari segi undang-undang."